

03 JAN 2002

MCA-Kumpul

PEMIMPIN MCA MULA BERKUMPUL DI KANGAR ESOK

TANAH MERAH, 3 Jan (Bernama) -- MCA akan turun sebagai sebuah pasukan yang bersatu padu untuk membantu kempen Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Indera Kayangan di Perlis pada 19 Jan ini.

Naib Presidennya, Datuk Dr Fong Chan Onn berkata pasukan itu yang diketuai oleh Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik akan mula berkumpul esok di kawasan pilihan raya berkenaan.

"Kita akan buat perancangan dan strategi, kita akan hadapi pilihan raya kecil itu sebagai satu pasukan yang bersatu padu," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan pemimpin MCA bahagian Tanah Merah di sini hari ini.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian wakilnya, Datuk Khor Liang Tee, 59, pada 19 Dis lepas.

Dr Fong yang juga Menteri Sumber Manusia berkata mesej MCA kepada pengundi khususnya pengundi Cina di Indera Kayangan ialah mereka harus memahami keadaan semasa terutama kesan daripada serangan pengganas di Amerika Syarikat pada 11 Sept lepas.

"Masyarakat Cina menghargai keharmonian kaum di negara ini, aktiviti ke arah perpaduan dihalalkan diadakan di Malaysia, keadaan itu perlu terus dipertahankan," katanya.

Dr Fong yang juga Pengerusi MCA Kelantan berkata pengundi Cina mempunyai tanggungjawab untuk terus memberi sokongan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merupakan seorang pemimpin yang berani dan cekap menyelesaikan pelbagai masalah.

"Malaysia pada masa sekarang telah diakui sebagai sebuah negara yang mempunyai peraturan dan struktur masyarakat yang membolehkan Malaysia menyelesaikan cabaran," tambahnya.

-- BERNAMA

BD MOZ